

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan setakat manakah Kementerian telah mengenal pasti bidang kegiatan pertanian di seluruh negara dan nyatakan perancangan dan langkah Kementerian untuk memaju dan membangunkan sektor pertanian dan industri makanan bagi memenuhi keperluan negara dan turut meningkatkan lagi pendapatan golongan petani, nelayan dan pekebun kecil mengikut lokaliti dan aktiviti khususnya di kawasan pertanian seperti di Parlimen Sabak Bernam.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengenal pasti bidang kegiatan pertanian di seluruh negara yang meliputi bidang tanaman seperti sayur-sayuran dan buah-buahan, bidang perikanan seperti perikanan tangkapan dan akuakultur, bidang ternakan seperti daging dan telur ayam, ruminan (lembu/kambing) dan tenusu serta bidang industri asas tani seperti pemprosesan hasil pertanian dan makanan.

2. Antara perancangan dan langkah Kementerian untuk memaju dan membangunkan sektor pertanian dan industri makanan bagi memenuhi keperluan negara dan meningkatkan lagi pendapatan petani, nelayan dan pekebun kecil adalah melalui program seperti berikut:

- (i) Program Sumber Kekayaan Baharu seperti durian, nanas dan kelapa yang dapat menjana sumber pendapatan tambahan;
- (ii) Program Subsidi dan Insentif Padi dengan pemberian input seperti benih, baja dan racun bagi meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan pesawah;
- (iii) Program Pembangunan Kluster Buah-Buahan Tropika seperti betik, pisang, tembikai, rambutan dan manga harumanis bagi meningkatkan pengeluaran dan mensasarkan pasaran eksport;
- (iv) Program Pemodenan Vesel Penangkapan Ikan bagi menerokai aktiviti penangkapan ikan laut dalam dan meningkatkan hasil perikanan serta pendapatan nelayan; dan
- (v) Program Pembangunan Ruminan bagi menggalakkan pertumbuhan industri ruminan dan meningkatkan tahap sara diri (SSL) daging.

3. Program-program di atas akan terus diperkasakan dan dimantapkan bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara dan menyumbang kepada pendapatan golongan sasaran.

4. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Pertanian telah membangunkan peta kesesuaian tanaman mengikut siri tanah di sesuatu lokaliti yang dikenali sebagai Peta Zon Agro-Ekologi. Bagi Parlimen Sabak Bernam, tanaman yang sesuai dibangunkan adalah padi, kelapa, pisang dan ubi. Mengikut rekod, seramai 28,954 orang petani di Parlimen Sabak Bernam telah mendapat pelbagai insentif dan bantuan dalam bentuk input, peralatan dan khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian meliputi tanaman padi, kelapa, pisang, kelulut dan tanaman herba. Sekian, terima kasih.